



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



9.10.2024

Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

9.10.2024 LAPORAN SWSI SEBERANG PERAI 3: PEMULIHAN SEPENUHNYA PERKHIDMATAN BEKALAN AIR

- Perkhidmatan bekalan air pulih untuk semua kawasan terjejas di Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS), termasuk Persiaran Jawi Golf Resort, Jalan Sungai Duri dan Taman Widuri.

PULAU PINANG, Rabu, 9.10.2024: Perkhidmatan bekalan air telah dipulihkan untuk 118,000 pengguna yang terjejas akibat gangguan bekalan air berjadual (SWSI) Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS) baru-baru ini.

Bekalan air telah dipulihkan di kawasan tanah tinggi dan kejiranan hujung paip agihan (EoL) di SPS: Persiaran Jawi Golf Resort, Jalan Sungai Duri, dan Taman Widuri.

Kira-kira jam 1.00 pagi tadi, data yang direkodkan di Pusat Kawalan Bekalan Air Pulau Pinang menunjukkan tekanan air di kawasan kejiranan ini telah mencapai paras “10m head” (1 bar) pada kedudukan meter PBAPP. Bacaan sedemikian untuk kawasan kediaman menunjukkan bahawa bekalan telah dipulihkan.

Kemungkinan punca pemulihan yang tertangguh adalah penggunaan air yang sangat tinggi di SPT dan SPS berikutan SWSI. Air terawat yang dipam ke SPS tidak dapat sampai ke kawasan kejiranan ini kerana air tersebut digunakan oleh pengguna yang terletak di “hulu”.

Setelah tangki air dan takungan yang terletak di hulu (di SPT dan SPS) diisi semula, isipadu air yang mencukupi pada tekanan yang betul sampai kepada pengguna di Persiaran Jawi Golf Resort, Jalan Sungai Duri, dan Taman Widuri.

Sebagai penjelasan

PBAPP memohon maaf di atas kesulitan yang dialami oleh semua pengguna yang terjejas akibat SWSI Seberang Perai baru-baru ini. Kami menghargai kesabaran dan kefahaman majoriti pengguna yang terjejas.

Sila ambil perhatian bahawa SWSI ini berkaitan dengan respons PBAPP terhadap kejadian yang telah menyebabkan isu “tekanan air rendah” dan “tiada bekalan air” berkala untuk kira-kira 97,000 pengguna di SPT dan SPS sejak 19.9.2024.



Pada 19.9.2024, kontraktor untuk syarikat utiliti lain telah merosakkan bahagian saluran paip utama 1.2m berhampiran Politeknik Seberang Perai. PBAPP terpaksa menggantikan bahagian saluran paip ini untuk memulihkan perkhidmatan bekalan air di SPT dan SPS.

Pada 5.10.2024, semasa SWSI, satu lagi bahagian saluran paip air terawat utama ini pecah di Jalan Pengkalan Tambang berhampiran Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua. PBAPP terpaksa menjalankan kerja-kerja pembaikan kecemasan untuk membaikinya dengan segera.

Pada jam 3.15 petang 6.10.2024, kerja-kerja pembaikan kecemasan Jalan Pengkalan Tambang telah siap dan PBAPP mula mengepam air terawat dari LRA Sungai Dua kepada semua pengguna yang terjejas.

Mulai 6.10.2024, perkhidmatan bekalan air telah pulih secara berperingkat di SPT dan SPS kerana sebahagian besar tangki air dan takungan di semua kawasan terjejas telah kering. Oleh itu, sehingga semua tangki dan takungan air ini diisi semula, bekalan air tidak dapat dinormalkan di kawasan kejiranan di kawasan yang lebih tinggi di kawasan paling hujung di SPS.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my